

## MEKANISME MALAYSIA MADANI TERHADAP PEMERKASAAN NILAI ALAM SEKITAR

Nurul Asyiqah Azahar <sup>1\*</sup> & Zul'azmi Yaakob <sup>1</sup>

<sup>1\*</sup>Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor  
[nurulasyiqah7@gmail.com](mailto:nurulasyiqah7@gmail.com) (Corresponding Author)

### *Abstrak*

#### **E-JITU**

Acceptance date:  
15 February 2025

Valuation date:  
28 March 2025

Publication date:  
30 April 2025

*Malaysia kini berdepan dengan cabaran alam sekitar yang semakin membimbangkan akibat pembangunan yang pesat, eksploitasi sumber alam secara berlebihan dan tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah terhadap kelestarian alam. Seiring dengan hasrat untuk mencapai pembangunan mampan, konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri ke-10, Anwar Ibrahim, tampil sebagai satu kerangka nilai baharu yang memperkenalkan enam prinsip utama iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan isu alam sekitar menjadi keutamaan di Malaysia semenjak abad ke-21. Selain itu, kajian ini menilai misi Malaysia Madani menangani isu alam sekitar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian analisis kandungan dengan meneliti sumber dari pelbagai jurnal, buku dan laman sesawang rasmi kerajaan. Hasil kajian didapati bahawa prinsip-prinsip Malaysia Madani dapat diaplikasikan terhadap pemerksaan nilai alam sekitar dan berkesan dalam menangani isu alam sekitar.*

**Kata kunci:** *Malaysia Madani, Nilai, Alam Sekitar*

## MECHANISMS OF MALAYSIA MADANI TOWARDS THE EMPOWERMENT OF ENVIRONMENTAL VALUES

### *Abstract*

*Malaysia is currently facing increasingly critical environmental challenges due to rapid development, excessive exploitation of natural resources, and a generally low level of public awareness regarding environmental sustainability. In line with the aspiration to achieve sustainable development, the Malaysia Madani concept introduced by the 10th Prime Minister, Anwar Ibrahim, emerges as a new value framework encompassing six core principles: sustainability, prosperity, innovation, respect, trust, and compassion. This study aims to discuss environmental issues that have become a priority in Malaysia since the 21st century. Furthermore, it evaluates the mission of Malaysia Madani in*

*addressing these environmental challenges. This study adopts a qualitative approach through content analysis by examining sources from various journals, books, and official government websites. The findings indicate that the principles of Malaysia Madani can be effectively applied to empower environmental values and are instrumental in addressing environmental issues.*

**Keywords:** *Malaysia Madani, Values, Environment*

## **PENGENALAN**

Isu alam sekitar merupakan salah satu cabaran yang semakin membimbangkan pada abad ke-21. Malaysia tidak terkecuali daripada berdepan dengan krisis ini apabila pelbagai masalah seperti pencemaran udara, penebangan hutan secara berleluasa dan eksploitasi sumber alam yang tidak terkawal terus mencemarkan keseimbangan ekosistem dan menjejaskan hidup manusia. Pembangunan pesat yang tidak mengambil kira faktor kelestarian telah mengakibatkan kemerosotan alam sekitar sekaligus menimbulkan pelbagai bencana alam dan masalah kesihatan kepada manusia. Kemudian, munculnya pelbagai dasar dan inisiatif kerajaan dalam memperlihatkan kesedaran yang semakin meningkat tentang perlunya satu pendekatan yang menyeluruh dan berkesan dalam menangani isu ini.

Gagasan Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri ke-10 iaitu Anwar Ibrahim memperkenalkan kerangka nilai yang merangkumi enam prinsip utama iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Konsep ini bukan sahaja menyentuh aspek pembangunan dan ekonomi tetapi juga menekankan tanggungjawab sosial terhadap manusia dan alam. Dalam masa yang sama, nilai-nilai dalam Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta turut menyediakan asas rohani dan moral dalam memelihara alam sekitar. Pendekatan Islam terhadap alam bukan hanya berbentuk ibadah semata-mata tetapi juga tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Selain itu, pemahaman tentang hubungan manusia dengan alam juga dapat diluaskan melalui kerangka falsafah seperti teosentrisme, ekosentrisme, antroposentrisme dan teknosentrisme. Keempat-empat tema ini memberikan perspektif pelengkap terhadap cara manusia memahami dan bertindak terhadap alam. Antara isu ekosentrisme yang berlaku di Malaysia ialah bilangan Harimau Malaya semakin berkurang dan dikategorikan spesies terancam akibat daripada perbuatan manusia yang melakukan pemburuan haram (Mohammad Noh Othman, 2025). Kepupusan Harimau Malaya akibat pemburuan haram adalah hasil dari kegagalan manusia untuk menghormati hak makhluk lain dalam ekosistem dan ini melanggar etika ekosentrisme. Dalam konteks Malaysia, penerapan prinsip Malaysia Madani yang seiring dengan nilai-nilai Islam dan falsafah dapat membentuk satu sistem tadbir urus alam sekitar yang lebih mampan. Dengan pendekatan yang menyeluruh, Malaysia Madani dapat menjadi satu panduan yang berkesan untuk mewujudkan keseimbangan antara pembangunan negara dan kelestarian alam sekitar demi kepentingan generasi kini dan akan datang.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Alam sekitar merupakan asas kepada kelangsungan hidup manusia dan makhluk lain, namun eksploitasi sumber alam yang berlebihan, pencemaran dan pembangunan yang tidak lestari telah menyebabkan pelbagai masalah yang memberi kesan negatif kepada keseimbangan ekosistem. Malaysia tidak terkecuali daripada cabaran ini apabila pelbagai isu seperti pencemaran sungai, penebangan hutan, perubahan iklim dan penggunaan plastik yang tidak terkawal terus mengancam kelestarian alam sekitar. Oleh itu, adalah penting untuk mengenal pasti punca utama kepada masalah ini dan mencari strategi yang berkesan untuk mengatasinya.

Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.1% pada tahun 2024, meningkat daripada 3.6% pada tahun sebelumnya seperti yang disebut oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Mahanum Abdul Aziz, 2025). Susulan dengan itu, menurut Laporan Kualiti Udara Dunia 2024 oleh *IQAir*, Malaysia mencatatkan purata tahunan kepekatan PM2.5 sebanyak 18.3 meletakkannya di kedudukan ke-48 antara negara yang tercemar (*IQ Air*, 2025). Ini menunjukkan keinginan manusia boleh membawa kepada kemerosotan sumber dan kemusnahan alam sekitar. Indeks pembangunan lazim ini mempunyai andaian yang sama iaitu kemahuan manusia adalah tidak terhad sedangkan sumber alam adalah terhad (Wan Norhaniza & Mohd Shukri, 2014). Pembangunan yang pesat oleh manusia telah memberikan impak terhadap alam sekitar, di mana ia sering kali membawa kepada pelbagai kesan negatif seperti pencemaran udara, air dan tanah, kemerosotan kualiti ekosistem serta kehilangan biodiversiti. Pembangunan yang pesat berlaku dari semasa ke semasa telah menggugat kedudukan dan keadaan semula jadi dalam ekosistem hutan (Rosmidzatul, 2019).

Terdapat banyak kes pencerobohan haram yang berlaku di Malaysia seperti di Kelantan dan Pahang. Antara tahun 2020 hingga 2023, sebanyak 137 kes pencerobohan hutan secara haram telah direkodkan di Kelantan. Daripada jumlah tersebut, 98 kes telah selesai didakwa di mahkamah, manakala bakinya masih dalam proses siasatan lanjut atau penyelesaian (Nor Fazlina, 2024). Selain itu, di Pahang, lebih 10,500 hektar tanah kerajaan di Raub telah diceroboh sejak beberapa dekad lalu untuk penanaman durian secara haram (Nor Azizah, 2025). Aktiviti seperti pembukaan tanah untuk pembangunan perumahan dan perindustrian, penebangan hutan secara besar-besaran, penggunaan sumber alam yang berlebihan serta pembuangan sisa buangan tanpa kawalan telah mengancam keseimbangan ekologi dan mengurangkan keupayaan alam sekitar untuk pulih secara semula jadi. Keadaan ini bukan sahaja mengancam habitat flora dan fauna tetapi juga menjejaskan kehidupan manusia yang bergantung kepada sumber alam untuk kelangsungan hidup.

Kempen-kempen untuk meningkatkan kesedaran tentang alam sekitar sering kali tidak dikaitkan dengan nilai-nilai dan ajaran agama. Akibatnya, kempen tersebut kurang menekankan aspek spiritual dan moral yang penting dalam membentuk sikap dan tingkah laku manusia terhadap penjagaan alam sekitar. Tanpa landasan agama, masyarakat mungkin tidak memahami sepenuhnya tanggungjawab mereka sebagai khalifah di muka bumi seperti yang diajarkan dalam agama Islam. Kempen-kempen yang dilaksanakan tidak dikaitkan dengan landasan agama yang menekankan tiga aspek penting iaitu

hubungan manusia dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam (Imaduddin & Noor Shakirah, 2016). Oleh itu, kempen-kempen ini menjadi kurang berkesan kerana gagal memanfaatkan pengaruh agama untuk meningkatkan kesedaran dan komitmen masyarakat terhadap kelestarian alam sekitar. Antara kempen yang pernah dilaksanakan ialah Kempen Kajang Bersih, Kajang di Hatiku pada tahun 2024 yang dianjurkan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang, kempen ini memfokuskan kepada pendidikan alam sekitar di sekolah-sekolah dan projek pengindahan sungai melalui penanaman pokok di tebing sungai. Usaha ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar (Suhaila Shahrul, 2025). Ini merupakan antara kempen yang berhasil menerapkan nilai dan ajaran agama kerana menekankan aspek kebersihan selari dengan ahjaran Islam.

Kewujudan segelintir masyarakat yang sanggup melanggar undang-undang demi kepentingan peribadi untuk mengeksploitasi sumber alam merupakan salah satu isu serius yang memberi kesan besar kepada kelestarian alam sekitar. Aktiviti perlombongan bauksit yang tidak terkawal di Kuantan, Pahang pada tahun 2016 menyebabkan pencemaran tanah dan air yang serius (Ibrahim Kamoo, 2016). Tindakan seperti perlombongan bauksit, pembalakan haram, perlombongan tanpa lesen, pemburuan haiwan liar dan pencerobohan kawasan hutan sering kali dilakukan demi mendapatkan keuntungan jangka pendek tanpa memikirkan kesan jangka panjang terhadap ekosistem. Golongan ini tidak hanya menjejaskan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar tetapi juga membahayakan keseimbangan ekologi yang penting untuk kelangsungan hidup manusia dan makhluk lain. Contohnya pencerobohan 40 hektar tanah di Janda Baik, Pahang sedangkan kawasan hutan ini telah diwartakan sebagai hutan simpan (Imaduddin & Noor Shakirah, 2016). Fenomena ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan undang-undang perlu diperkasakan, di samping meningkatkan kesedaran masyarakat tentang akibat buruk daripada perbuatan tersebut kepada alam sekitar dan generasi akan datang.

Keperluan sosial seperti akses kepada kesihatan, pendidikan, rekreasi dan perumahan dilihat sebagai elemen penting dalam memenuhi kesejahteraan penduduk. Tanpa disedari, keperluan kepada pembangunan infrastruktur sebegini mengundang kepada masalah kemusnahan alam semula jadi (Siti Khatijah & Christopher, 2016). Pembangunan infrastruktur untuk tujuan sosial seperti pembinaan hospital, sekolah, taman rekreasi dan kawasan perumahan walaupun penting untuk kesejahteraan manusia sering melibatkan penebangan hutan, pencemaran dan penggunaan sumber alam yang berlebihan. Semua ini boleh membawa kepada kemusnahan alam yang pada akhirnya merosakkan ekosistem dan mengancam kelestarian sumber alam yang penting untuk generasi akan datang. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan bahawa pembangunan infrastruktur dilakukan dengan cara yang tidak merosakkan alam sekitar dan mengambil kira kesannya terhadap ekosistem.

Beberapa permasalahan yang dijelaskan di atas adalah contoh-contoh daripada banyak lagi permasalahan alam sekitar yang berlaku. Enam rukun utama Madani iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan diperkenalkan sebagai satu panduan untuk memelihara dan memulihara kembali alam. Isu alam sekitar

yang dibawa oleh Malaysia Madani menjadi satu kesinambungan dalam memperkasakan nilai alam sekitar. Dapat dilihat bahawa alam sekitar merupakan isu yang berpanjangan kerana ia terus wujud setiap tahun. Walaupun pelbagai dasar dan inisiatif telah diperkenalkan oleh pemimpin negara dari semasa ke semasa, cabaran dalam pelaksanaan serta kurangnya kesedaran masyarakat sering menjadi halangan utama dalam menangani isu ini secara berkesan.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Sumber-sumber berkaitan alam sekitar cukup banyak diperolehi seperti adanya kempen, wujudnya aktivis alam sekitar yang ramai malah tokoh akademik dan sarjana menekankan penjagaan alam sekitar. Oleh itu, artikel ini merujuk banyak sumber dari artikel seperti *Penglibatan masyarakat awam di Malaysia dalam isu berkaitan persekitaran* dan sumber dari Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Menurut Ahmad Munawar & Mohd Nor (2021), metode penyelidikan bermaksud merancang atau membuat perancangan umum bagaimana penyelidikan yang ingin dilaksanakan berupaya menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat bagi menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama. Reka bentuk kajian dalam penyelidikan Islam mempunyai dua iaitu metode penyelidikan kualitatif dan metode kuantitatif. Kajian yang ingin dijalankan ini menggunakan reka bentuk kualitatif. Kualitatif memiliki karakteristik sebuah penelitian yang bertujuan untuk menceritakan pengalaman seseorang yang terlibat dalam sebuah kejadian. Ada beberapa teknik menganalisa data yang lazim digunakan dalam penelitian kualitatif. Misalnya analisis kandungan (*content analysis*), analisis kewacanaan (*discourse analysis*) dan analisis tematik (*thematic analysis*) (Heriyanto, 2018). Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dan analisis tematik (*thematic analysis*). Kualitatif ini juga merupakan satu kaedah yang mementingkan kepada kualiti. Misalnya, kualiti isu bergantung kepada sejauh mana isu tersebut berlaku dan sumbangan sesuatu isu itu kepada satu-satu suasana.

Pendekatan menggunakan analisis kandungan adalah bagi meneliti isu-isu alam sekitar yang dilaporkan oleh media massa seperti di portal berita. Fokus utama yang dianalisis ialah pada liputannya dan tema alam sekitar yang diketengahkan. Analisis kandungan digunakan untuk mengkaji keberkesanan dasar-dasar kerajaan berkaitan pemerkasaan nilai alam sekitar. Misalnya, Program Madani Rakyat yang berlangsung pada 18 hingga 20 Oktober 2024 di Sabah memberikan pelbagai informasi berkenaan larangan pembakaran terbuka. (Jabatan Alam Sekitar, 2024). Pendekatan analisis tematik digunakan bagi mengenalpasti tema utama yang berkaitan dengan isu alam sekitar di Malaysia. Data yang dikumpulkan dianalisis untuk mengenal pasti trend yang berulang. Melalui analisis tematik, tiga tema utama mengenai pencemaran akan dianalisis seperti sumber pencemaran, kesan terhadap komuniti dan langkah pemulihan yang dicadangkan. Contohnya, penduduk yang terjejas oleh aktiviti pembalakan akan mengalami kualiti air yang merosot, kehilangan biodiversiti dan memberi kesan terhadap sumber ekonomi penduduk. Pendekatan dalam memahami hubungan manusia dengan alam sekitar juga boleh dikategorikan kepada tema teosentrisme, ekosentrisme, antroposentrisme, dan teknosentrisme. Keempat-empat perspektif ini memberikan sudut pandang berbeza tentang bagaimana manusia harus berinteraksi dengan alam sama ada berdasarkan nilai

agama, keseimbangan ekologi, kepentingan manusia atau kemajuan teknologi. Dalam Islam, kesemua pendekatan ini dapat digabungkan bagi mewujudkan hubungan yang harmoni dan lestari antara manusia dan alam sekitar.

Analisis kandungan yang menggunakan reka bentuk kualitatif digunakan dalam kajian ini bagi mengumpulkan maklumat dan juga fakta penting bagi memastikan kajian ini dapat dijalankan dengan baik dan bermaklumat. Analisis kandungan merujuk kepada penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap maklumat-maklumat yang wujud secara tersurat (Ahmad Munawar & Mohd Nor, 2021). Analisis kandungan kualitatif berasaskan pendekatan humanistik, bukan positivistik. Ia bersifat induktif (Marilyn Domas & Emily, 2006). Maklumat yang diperolehi daripada sumber-sumber ini mestilah mempunyai mesej yang mampu diperolehi, dilihat, didengar dan diterjemahkan. Dengan menganalisis data yang telah dicari dapat membantu dalam menjawab objektif kajian yang ingin dijalankan. Maklumat-maklumat dapat diperolehi melalui literasi kepustakaan, media cetak, gambar dan visual penyiaran.

Kajian ini juga menggunakan kaedah analisis tematik. Kaedah tematik merupakan kaedah untuk menerangkan data tetapi juga melibatkan tafsiran dalam proses pemilihan kod dan pembentukan tema. Ciri utama analisis tematik ialah fleksibilitinya yang membolehkan ia digunakan dalam pelbagai kerangka teori dan epistemologi serta diterapkan pada pelbagai soalan kajian, reka bentuk penyelidikan dan saiz sampel (Michelle E. Kiger & Lara Varpio, 2020). Berdasarkan kajian tematik yang menggunakan tema alam sekitar, isu berkaitan alam sekitar akan dijadikan sebagai reka bentuk kajian dengan menggunakan kajian berbentuk induktif. Kajian tematik ini menekankan pemahaman alam sekitar dari perspektif Malaysia Madani dengan menekankan pendekatan reka bentuk induktif. Analisis tematik boleh dilakukan secara deduktif dan induktif (Braun & Clarke, 2006). Contohnya, buku *Pengurusan & Pemuliharaan Alam Sekitar* yang ditulis oleh Abu Bakar Yang (2018) menekankan bahagian isu alam sekitar beserta cara mengurus dan memuliharanya. Selain itu, buku *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi* yang ditulis oleh Anwar Ibrahim (2023) membincangkan mengenai peranan Malaysia Madani dalam memberi cadangan untuk mengatasi isu alam sekitar. Kedua-dua sumber ini membantu memperkukuhkan analisis kajian dengan memberikan perspektif yang lebih luas mengenai pengurusan alam sekitar dan kaitannya dengan prinsip Malaysia Madani.

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

### **Isu alam sekitar menjadi keutamaan di Malaysia semenjak abad ke-21**

Bermula daripada Perdana Menteri Kelima, Abdullah Ahmad Badawi hingga Perdana Menteri Ke-10, Anwar Ibrahim, alam sekitar diangkat menjadi satu agenda, konsep dan dasar negara. Abdullah Ahmad Badawi melancarkan konsep Islam Hadhari pada 30 Januari 2004 (Pejabat Perdana Menteri, 2004). Islam Hadhari menjadi satu wawasan pembangunan Islam dengan menjadikan umat Islam sebagai pendukung utama dalam setiap aspek pembangunan berperanan sebagai khalifah Allah dengan memastikan alam sekitar tidak dimusnahkan oleh pelbagai jenis pencemaran (Ratna & Muhammad Hasrul, 2010). Islam Hadhari bertepatan dengan prinsipnya mementingkan untuk memulihara

alam semulajadi. Perdana Menteri Ke-6, Najib Razak pula memperkenalkan Transformasi Nasional 2050 (TN50) pada 19 Januari 2017 (Jabatan Perkhidmatan Awam t.th). Antara cabaran utama dalam pelaksanaan TN50 termasuk memastikan pembangunan sains, teknologi, alam sekitar dan kesihatan yang lebih lestari (Mohd Yusof, 2017). Golongan belia mencadangkan kiosk layan diri diletakkan di kawasan awam seperti pusat beli belah bagi membolehkan mana-mana individu mengitar semula dan memperoleh ganjaran segera (Ahmad Suhael, 2018). TN50 diumumkan oleh Najib Razak sebagai usaha untuk memacu masa depan negara ke arah pembangunan yang lebih mampan dan berdaya saing (Jabatan Perkhidmatan Awam, t.th). Selain itu, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 yang telah diperkenalkan oleh Mahathir Mohamad telah dilancarkan pada 5 Oktober 2019 (Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, 2019). Jabatan Alam Sekitar telah menghasilkan pelan bagi mencapai kelestarian alam sekitar untuk kemakmuran bersama dengan mencadangkan strategi pemeraksanaan perundangan alam sekitar bagi mencapai WKB 2030.

Selain itu, Keluarga Malaysia diperkenalkan oleh Perdana Menteri ke-9, Ismail Sabri pada 22 Ogos 2021 (Pejabat Perdana Menteri, t.th). Menurut Ismail Sabri dalam kenyataannya, Malaysia terdedah kepada impak perubahan iklim seperti hujan lebat yang mengakibatkan fenomena banjir besar. Selaras dengan aspirasi 'Keluarga Malaysia Lestari', Kerajaan Persekutuan bersama-sama kerajaan negeri dan pihak-pihak berkepentingan lain akan terus bekerjasama bagi memastikan keupayaan negara dalam menangani isu perubahan iklim dapat diperkukuhkan demi kesejahteraan Keluarga Malaysia pada masa kini dan akan datang (Pejabat Perdana Menteri, 2022). Perkara ini mempunyai banyak persamaan dengan konsep Malaysia Madani terutamanya dalam aspek kelestarian, kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi yang mampan. Di bawah pentadbiran Anwar Ibrahim, peranan Malaysia Madani merupakan satu bentuk kesinambungan kepada agenda dan konsep terdahulu dalam menangani isu alam sekitar dengan mencadangkan beberapa pembaharuan berdasarkan setiap rukunnya.

Banyak usaha pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di Malaysia masih berhadapan dengan cabaran seperti kurangnya kesedaran masyarakat, pelaksanaan dasar yang tidak konsisten dan tekanan terhadap pembangunan ekonomi. Pembangunan yang tidak menjaga soal kelestarian alam sekitar akan menyebabkan pencemaran yang membawa kesan buruk kepada kehidupan manusia itu sendiri dan juga alam. Misalnya, tragedi Highland Towers pada 11 Disember 1993 di Taman Hillview, Ulu Klang, Selangor runtuh akibat tanah runtuh yang disebabkan oleh hujan lebat berterusan. Pembangunan pesat di kawasan bukit tanpa kawalan yang mencukupi telah menyebabkan hakisan tanah dan ketidakstabilan struktur, akhirnya mengakibatkan runtuhan yang mengorbankan 48 nyawa (Zubir Mohd, 2015). Selain itu, antara jenis-jenis pencemaran yang timbul akibat dari perbuatan manusia ialah pencemaran udara, bunyi, udara dan tanah (Muhammad Zuhaili, 2024). Namun, penglibatan aktif orang ramai dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar bergantung kepada tahap kesedaran mereka mengenai alam sekitar, pengetahuan, kepercayaan, kebudayaan dan amalan kehidupan harian masyarakat (Haliza, 2009).

Isu-isu alam sekitar seperti peningkatan penggunaan kenderaan persendirian mengakibatkan pencemaran udara. Oleh itu, pengangkutan awam yang efisien dapat

memudahkan pergerakan individu untuk mencapai kemudahan awam dan meningkatkan kelestarian alam sekitar yang menyumbang kepada perjalanan yang sejahtera (Rima Abdul et al., 2024). Misalnya, Projek Transit Aliran Massa (MRT) Lembah Klang. Fasa pertama MRT Sungai Buloh-Kajang telah mula beroperasi pada tahun 2017, menyediakan alternatif pengangkutan yang cekap dan mesra alam. Dengan kapasiti penumpang yang tinggi, MRT membantu mengurangkan jumlah kenderaan persendirian di jalan raya, seterusnya mengurangkan kesesakan lalu lintas dan pencemaran udara (Mass Rapid Transit, 2023). Seterusnya, pencemaran alam sekitar juga turut menjadi penyumbang utama berlakunya kepupusan terhadap sumber biodiversiti yang ada di atas muka bumi pada hari ini (Rosmidzatul, 2019). Pengurusan dan pemeliharaan biodiversiti secara lebih mampan dan berterusan perlu diberi perhatian yang serius kerana usaha ini bukan sahaja penting untuk memastikan kelangsungan ekosistem tetapi juga memainkan peranan yang amat besar dalam menyokong pembangunan sosioekonomi.

Isu lain yang berlaku ialah pencorobohan tanah kerajaan di Sungai Perdak di Bentong. Pada November 2024, kira-kira 404 hektar tanah milik kerajaan negeri Pahang di Sungai Perdak, Mukim Sabai, Bentong telah diceroboh dengan menanam pokok durian di kawasan tersebut. Aktiviti tersebut berjaya dikesan kerana serbuan yang dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) yang turut menyita kediaman dan peralatan di kawasan berkenaan. Kerajaan Pahang memandang serius kegiatan tersebut dan telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan Seksyen 426A(1)(c) Kanun Tanah Negara (Akta 828) (Asrol Awang, 2024). Isu ini mencerminkan cabaran dalam pengurusan dan penguatkuasaan undang-undang tanah di Pahang yang perlu diberi perhatian sewajarnya.

### **Misi Malaysia Madani menangani isu alam sekitar**

Malaysia Madani merupakan satu konsep yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10 iaitu Anwar Ibrahim. Dasar ini telah diperkenalkan pada 19 Januari 2023 (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2023). Terdapat 6 rukun yang diperkenalkan dalam Madani ini iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Anwar Ibrahim telah menjelaskan makna bagi setiap rukun Madani dalam bukunya bertajuk 'Membangun Negara Madani'. Rukun pertama dalam Malaysia Madani iaitu 'kemampanan' membawa pengertian bahawa kemampanan mensyaratkan kesejahteraan dan keseimbangan dengan pengertian saling menghormati dan mengasihi sesama manusia dan juga terhadap alam sekitar termasuk haiwan dan tumbuhan (Anwar Ibrahim, 2023). Dalil yang mensyariatkan manusia untuk menjaga alam dapat dilihat dalam surah al-A'raf, ayat 56, maksudnya "Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi setelah ia berada dalam keadaan baik...". Ayat ini jelas menunjukkan bahawa manusia diperintahkan untuk tidak merosakkan bumi, sebaliknya bertanggungjawab untuk memelihara keindahan dan kelestarian alam yang telah diciptakan dengan sempurna. Oleh itu, konsep kemampanan dalam Malaysia Madani selari dengan tuntutan agama yang menekankan pentingnya keseimbangan antara pembangunan manusia dan penjagaan alam sekitar untuk generasi masa depan.

Rukun kedua iaitu 'kesejahteraan' yang dapat memberi keseimbangan terhadap keperluan rohani dan jasmani. Kesejahteraan hanya dapat dicapai apabila manusia hidup dalam

persekitaran yang bersih, selamat dan harmoni dengan alam semula jadi. Keperluan jasmani dapat dipenuhi melalui udara yang bersih, air yang jernih dan makanan yang sihat manakala keperluan rohani diperkukuh apabila manusia menghargai dan mensyukuri keindahan ciptaan Tuhan. Dalam konteks alam sekitar, rukun yang ketiga yang terdapat dalam kerangka dasar Madani ialah 'daya cipta' yang membawa kepada pembaharuan, reka cipta dan reka baharu. Daya cipta memainkan peranan penting dalam mencari penyelesaian lestari untuk menangani masalah pencemaran, perubahan iklim dan eksploitasi sumber alam. Dengan inovasi teknologi hijau seperti tenaga boleh diperbaharui, kenderaan elektrik dan bahan mesra alam, manusia dapat mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar.

Rukun yang keempat pula ialah 'hormat'. Takrifan hormat menurut Madani ini ialah memberi tumpuan khusus kepada hak asasi manusia dan maruah. Dalam konteks alam sekitar, hormat bukan hanya terbatas kepada manusia tetapi juga merangkumi penghormatan terhadap alam semula jadi. Alam sekitar mempunyai hak untuk dipelihara kerana ia adalah sumber kehidupan bagi semua makhluk. Dengan menghormati alam, manusia dapat mengelakkan pencemaran dan penebangan hutan secara berlebihan. Rukun yang kelima ialah 'keyakinan'. Keyakinan perlu wujud dalam diri setiap manusia kerana ia mempunyai kaitan dengan amanah iaitu ikrar pertanggungjawaban moral *duniawi* dan *ukhrawi*. Keyakinan terhadap tanggungjawab sebagai khalifah di bumi akan mendorong manusia untuk menjaga dan memelihara alam dengan penuh amanah. Kepercayaan bahawa setiap tindakan terhadap alam akan dipertanggungjawabkan di dunia dan akhirat menjadikan seseorang lebih berhati-hati dalam menggunakan sumber alam. Rukun yang terakhir iaitu keenam ialah 'ihsan'. Ihsan ialah memiliki perasaan peduli dan belas kasihan. Dalam konteks alam sekitar, ihsan dapat diterapkan dengan menjaga kebersihan, melestarikan sumber alam serta mengelakkan pencemaran dan kemusnahan ekosistem.

Dalam Dasar Rukun Madani sendiri, pendidikan alam sekitar menjadi salah satu dasar untuk mencapai kemampanan alam sekitar dengan mewujudkan pusat kajian kemampanan serta institut penyelidikan (Anwar Ibrahim, 2023). Perkara ini merupakan satu matlamat dasar bukan pencapaian semasa. Namun, unsur pelaksanaan awal sudah dapat dilihat melalui Program *Eco-Schools* di Terengganu dilaksanakan bermula tahun 2023 hingga 2026 oleh *Green Growth Asia Foundation (GGAF)* dengan kerjasama Yayasan Petronas dan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Program tiga tahun ini bertujuan memupuk kesedaran alam sekitar dan menggalakkan penyertaan aktif pelajar melalui pendekatan pembelajaran berasaskan projek (Yayasan Petronas, 2025). Program ini telah berlangsung secara aktif beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan pendidikan alam sekitar memang telah dijadikan sebahagian daripada pendekatan dasar. Matlamat program pendidikan alam sekitar adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan sikap alam sekitar serta memupuk tingkah laku mesra alam (Jessica Dato et al., 2020). Melalui pendidikan, masyarakat dapat diberikan pendedahan awal tentang kepentingan menjaga alam sekitar serta kesedaran terhadap kesan buruk daripada aktiviti yang tidak terkawal. Pendidikan juga berperanan penting dalam memperbaiki cara berfikir masyarakat dengan mengubah persepsi, sikap dan tingkah laku mereka terhadap penjagaan alam sekitar.

Selain itu, dapat mengangkat prinsip pemeraksanaan nilai alam sekitar sebagai komponen penting dalam usaha memulihara alam sekitar. Dari sudut perundangan yang dibawa oleh Malaysia Madani, penambahbaikan dilakukan dengan mengenakan hukuman yang lebih berat bagi semua undang-undang yang terkait dengan kemampunan seperti keselamatan penggunaan pengangkutan awam (Anwar Ibrahim, 2023). Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Tanda Talian Penting Aduan) 2023 mula berkuatkuasa pada 15 Oktober 2023 dengan mengenakan peraturan kewajipan mempamerkan tanda. Tanda yang dipamerkan hendaklah mengandungi kod QR yang jelas dan boleh diimbis (Jabatan Peguam Negara, 2023). Pengangkutan awam yang berkesan mempengaruhi penduduk untuk menggunakannya dan dapat menyumbang kepada alam sekitar yang lebih mampan agar perjalanan yang dirasai lebih sejahtera (Rima Abdul et al., 2024). Penambahbaikan undang-undang dapat memberi keyakinan kepada masyarakat untuk menggunakan pengangkutan awam, seterusnya dapat mengurangkan pencemaran udara.

Sepanjang tempoh dua tahun pentadbiran kerajaan Madani, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRES) (2024), telah mencatatkan pelbagai pencapaian penting dan signifikan dalam usaha memelihara serta memulihara sumber asli negara, melindungi alam sekitar serta menangani cabaran perubahan iklim. Antara pencapaiannya ialah:

- 1) Penguatkuasaan perlindungan hidupan liar dipertingkatkan dengan meningkatkan bilangan renjer komuniti kepada 1924 orang dengan kos perbelanjaan sebanyak RM60 juta.
- 2) Sasaran penanaman 100 juta pokok telah dicapai setahun lebih awal dari tahun sasaran bermula daripada tahun 2021 dan selesai pada tahun 2024 melalui Program penghijauan Malaysia: penanaman 100 juta pokok.
- 3) Berlaku pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) seperti peningkatan jumlah denda maksimum daripada RM100 ribu kepada RM10 juta dan hukuman penjara mandatori sebanyak 5 tahun maksimum.
- 4) Melalui pelaksanaan program *Low Carbon Cities 2030 Challenge* (LCC2030C), Malaysia telah mencatatkan 63 zon memiliki karbon rendah.

Langkah ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam melibatkan masyarakat setempat dalam memelihara biodiversiti dan mencegah pemburuan haram. Selain itu, pelaksanaan program ini membantu memperkukuh jaringan pemantauan kawasan hutan yang luas serta meningkatkan keupayaan pemantauan secara berterusan. Peningkatan kadar denda maksimum daripada RM100 ribu kepada RM10 juta serta hukuman penjara mandatori maksimum lima tahun menandakan perubahan dasar yang tegas dalam menangani pencemaran alam sekitar. Ini merupakan satu langkah penting dalam memastikan pematuhan industri dan individu terhadap peraturan alam sekitar, di samping menunjukkan komitmen kerajaan dalam menjadikan kelestarian sebagai asas kepada pembangunan negara. NRES telah memperlihatkan pencapaian yang memberangsangkan dalam tempoh dua tahun kerajaan Madani. Pencapaian NRES dalam dua tahun ini bukan sahaja memenuhi objektif dasar, malah selari dan menyokong sepenuhnya prinsip-prinsip Madani.

## ANALISIS KAJIAN

Berdasarkan perbincangan tersebut, isu alam sekitar yang semakin serius akibat pencemaran, penebangan hutan secara berleluasa dan eksploitasi sumber alam dapat ditangani secara lebih berkesan sekiranya gagasan rukun Malaysia Madani dijadikan sebagai panduan utama dalam merangka dasar, membentuk sikap masyarakat serta melaksanakan tindakan yang berteraskan nilai kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan yang menyeluruh dan seimbang. Perkara ini dapat dilihat melalui pencapaian program NRES dengan prinsip Madani iaitu melalui kempen penanaman 100 juta pokok. Pada awal tahun 2021, kerajaan Malaysia melancarkan program penghijauan Malaysia melalui kempen “Penanaman 100 Juta Pokok” (2021–2025). Kempen ini bertujuan meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan liputan hijau dan hutan (Norsheila Mohd et al., 2021). Penanaman 100 juta pokok dan inisiatif bandar rendah karbon jelas mendukung prinsip kemampanan dengan menekankan penjagaan alam sekitar jangka panjang. Alam sekitar dapat memberikan ketenangan dan membantu mengurangkan masalah tekanan mental khususnya kebimbangan, kegelisahan dan kemurungan (Haliza, 2019). Kesejahteraan dapat dicapai apabila adanya penanaman pokok ini kerana memiliki persekitaran yang lebih tenang dan kawasan hijau yang dapat mengurangkan tekanan dan menyokong kesihatan mental.

Nilai keyakinan diterapkan melalui peningkatan denda dan hukuman lebih berat yang memberi mesej jelas bahawa kerajaan serius untuk melindungi alam sekitar. Pindaan Akta Alam Sekeliling dalam memperkukuh undang-undang menunjukkan keyakinan serta kesungguhan kerajaan dalam menjaga kepentingan awam. Nilai hormat diterapkan melalui penghormatan terhadap kehidupan dan biodiversiti. Misalnya, penambahan jumlah renjer komuniti mencerminkan penghargaan terhadap kepentingan menjaga kelangsungan hidupan liar dan ekosistem. Ini bertepatan dengan peranan renjer yang menyediakan perkhidmatan seperti mengekalkan persekitaran yang selamat, terjamin dan seimbang untuk komuniti dan hidupan liar (Persekutuan Renjer Antarabangsa, t.th). Pemeliharaan hidupan liar mencerminkan penghormatan terhadap alam dan makhluk hidup lain. Daya cipta dalam perancangan bandar dapat dilihat melalui pelaksanaan zon karbon rendah yang menggabungkan teknologi hijau, kecekapan tenaga dan reka bentuk bandar lestari. Ia memperlihatkan kemampuan negara menginovasikan pembangunan bandar tanpa merosakkan alam sekitar.

Nilai ihsan pula diterapkan melalui keprihatinan terhadap kesejahteraan awam iaitu zon karbon rendah mengurangkan pencemaran, menambah kualiti hidup dan memperlihatkan tanggungjawab moral terhadap warga bandar. Nilai ihsan dalam Malaysia Madani tidak hanya merujuk kepada belas kasihan secara individu, tetapi juga tindakan beretika dan berperikemanusiaan dalam tadbir urus alam sekitar. Analisis ini membuktikan bahawa Malaysia Madani memainkan peranan yang sangat penting dan berkesan dalam memacu kejayaan pelbagai program berkaitan alam sekitar. Gabungan nilai teras dalam rukun Madani membentuk asas yang kukuh untuk mencorakkan dasar, sikap dan tindakan yang lestari. Justeru, menjadikan Malaysia Madani sebagai panduan utama dalam perancangan negara akan membuka ruang untuk mencapai keseimbangan antara pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar secara menyeluruh dan berterusan.

Prinsip-prinsip dalam Malaysia Madani berkait rapat dengan matlamat Maqasid Syariah kerana kedua-duanya menekankan kepentingan menjaga kesejahteraan hidup manusia secara menyeluruh iaitu agama (*Hifz al-Din*), nyawa (*Hifz al-Nafs*), akal (*Hifz al-'Aql*), keturunan (*Hifz al-Nasl*) dan harta (*Hifz al-Mal*). Dalam konteks penjagaan alam sekitar, setiap prinsip Maqasid berperanan penting. Menurut Abu Bakar Yang (2018) dalam bukunya *Pengurusan & Pemuliharaan Alam Sekitar dari Perspektif Islam* mengatakan dalam pemeliharaan agama manusia dilantik sebagai khalifah Allah di atas muka bumi untuk menjaga ciptaan Allah. Maka, perbuatan merosakkan alam sekitar adalah sama seperti menafikan sikap adil dan ihsan. Selain itu, pemeliharaan nyawa menuntut persekitaran yang bersih dan selamat untuk kelangsungan hidup manusia manakala pemeliharaan akal menuntut membezakan perkara yang bermanfaat atau tidak. Misalnya, pelaksanaan pendidikan alam sekitar dapat membentuk kesedaran serta pemikiran lestari. Pemeliharaan keturunan pula menekankan keperluan menjaga sumber alam demi kelangsungan hidup generasi manusia akan datang.

Pemeliharaan harta pula merangkumi bumi, pokok, tanaman, binatang, tempat tinggal. Oleh itu, sumber alam merupakan harta bersama yang perlu diurus dengan berhemah agar tidak berlaku pembaziran atau kemusnahan. Dapat disimpulkan, nilai kemampuan dan ihsan dalam Malaysia Madani sejajar dengan usaha menjaga nyawa dan keturunan melalui pemeliharaan alam sekitar, manakala nilai keyakinan dan hormat mencerminkan tanggungjawab dan etika yang terkandung dalam prinsip menjaga agama dan akal. Apabila prinsip Malaysia Madani digabungkan dengan matlamat Maqasid Syariah, ia mewujudkan satu pendekatan yang lengkap, bukan sahaja dari segi dasar dan pembangunan negara, tetapi juga dari sudut kerohanian, nilai etika dan tanggungjawab manusia untuk menjaga alam sekitar secara berterusan.

Di samping itu, nilai-nilai alam sekitar seperti teosentrisme, ekosentrisme, antroposentrisme dan teknosentrisme selari dengan prinsip-prinsip Malaysia Madani yang menekankan keharmonian antara manusia, alam dan teknologi. Nilai-nilai ini perlu dipandang secara positif supaya tidak melanggar prinsip-prinsip Islam. Antroposentrisme memandang bahawa manusia adalah pusat semesta dan berhak menjadikan alam sebagai objek untuk dieksploitasi demi kepentingan manusia. Namun, dalam Islam manusia diangkat sebagai khalifah yang mempunyai amanah untuk menjaga alam bukan pemilik mutlak bumi. Ekosentrisme menjadikan alam sebagai pusat sehingga perlakuan manusia haruslah sejalan dengan keperluan alam. Sementara itu, teosentrisme memandang bahawa alam dan manusia adalah sesama ciptaan Tuhan (Otong Sulaeman et al., 2021). Teknosentrisme merupakan sikap dan perasaan yang terlalu bergantung kepada kecanggihan teknologi (Nor Wahida, 2023). Keempat-empat nilai ini boleh difahami secara positif dalam Islam asalkan ia seimbang dengan prinsip Maqasid Syariah, nilai-nilai moral dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah di bumi. Islam tidak menolak kemajuan atau pandangan moden tetapi semua amalan ini mesti dilakukan dengan cara yang beretika dan bertanggungjawab kepada Allah, sesama manusia dan alam sekitar.

Teosentrisme yang memandang alam sebagai ciptaan Tuhan dapat dilihat dalam prinsip ihsan dan keyakinan yang mengajak manusia menjaga alam sebagai amanah dari Ilahi. Ekosentrisme pula dapat difahami dalam prinsip hormat apabila Malaysia Madani mengiktiraf hak alam dan biodiversiti. Ekosentrisme menjadikan alam sebagai pusat

untuk mencapai keseimbangan alam. Misalnya, larangan membunuh haiwan atau menebang pokok tanpa keperluan jelas menunjukkan penghormatan terhadap alam. Pendekatan antroposentrisme yang menumpukan kepada kesejahteraan manusia seiring dengan prinsip kesejahteraan kerana sumber alam memberi manfaat untuk manusia mencari sumber makanan. Namun, ianya perlu dikawal supaya manusia tidak mengeksploitasi alam secara berlebihan. Oleh itu, wujudnya undang-undang untuk mengawal aktiviti manusia. Teknosentrisme yang menekankan inovasi dan penyelesaian teknologi dapat dikaitkan dengan prinsip daya cipta yang mendorong penggunaan teknologi hijau dan pembangunan lestari. Penggunaan teknologi dapat menyelesaikan masalah manusia dengan mudah namun penggunaannya perlu dikawal supaya tidak mencemarkan alam sekitar. Gabungan nilai-nilai ini mengukuhkan lagi peranan Malaysia Madani sebagai kerangka yang menyeluruh dalam memperkasakan pemeliharaan alam sekitar secara beretika dan mampan.

### **KESIMPULAN**

Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan melalui Malaysia Madani yang memperkenalkan enam nilai utama telah memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan usaha pemeliharaan alam sekitar di Malaysia. Pelbagai program seperti penanaman 100 juta pokok, pembangunan bandar karbon rendah, penguatkuasaan undang-undang alam sekitar dan pendidikan alam sekitar telah menunjukkan keberkesanan dasar ini dalam menangani isu pencemaran alam sekitar serta kesedaran awam. Prinsip seperti kemampanan, kesejahteraan dan daya cipta telah diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang memberi impak kepada alam dan masyarakat.

Tambahan pula, nilai-nilai ini selari dan saling menguatkan dengan kerangka Maqasid Syariah yang menekankan kepentingan memelihara lima asas utama kehidupan. Penjagaan alam sekitar bukan sahaja melibatkan pemeliharaan seperti air, udara dan tanah tetapi juga menyentuh aspek ihsan dan tanggungjawab terhadap ciptaan Allah. Nilai-nilai seperti menjaga nyawa, akal dan keturunan sangat bergantung kepada alam sekitar yang bersih dan lestari.

Akhir sekali, pemahaman melalui tema falsafah alam seperti teosentrisme, ekosentrisme, antroposentrisme dan teknosentrisme turut memberi manfaat kepada pendekatan yang diguna pakai. Teosentrisme menekankan amanah terhadap Tuhan, ekosentrisme memperjuangkan keseimbangan alam, antroposentrisme mengiktiraf keperluan manusia dan teknosentrisme memberi ruang kepada teknologi untuk membantu menyelesaikan isu alam. Apabila dasar negara, nilai agama dan nilai falsafah disatukan, Malaysia dapat dijadikan contoh kepada negara lain dalam mengurus alam sekitar secara mampan. Oleh itu, Malaysia Madani bukan sekadar konsep pentadbiran, tetapi merupakan kerangka nilai yang berdaya maju dalam melestarikan alam demi kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

**RUJUKAN**

*Al-Quran.*

Abu Bakar Yang. 2018. *Pengurusan & Pemuliharaan Alam Sekitar Dari Perpektif Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.

Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2021. *Mengenal Kuantitatif & Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Suhael Adnan. 2018. Kanvas belia TN50: perlindungan alam dijadikan dasar utama. [https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/03/394617/kanvas-belia-tn50-perindungan-alam-dijadikan-dasar-utama#google\\_vignette](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/03/394617/kanvas-belia-tn50-perindungan-alam-dijadikan-dasar-utama#google_vignette) [21 Februari 2025].

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. 2019. Wawasan kemakmuran bersama 2030. <https://www.civildefence.gov.my/wp-content/uploads/2019/12/Ringkasan-WKB-2030.pdf> [4 Februari 2025].

Anwar Ibrahim. 2023. *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.

Asrol Awang. 2024. Kerajaan Pahang kesan aktiviti ceroboh tanah tanam durian seluas 400 hektar di Bentong. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1329713/kerajaan-pahang-kesan-aktiviti-ceroboh-tanah-tanam-durian-seluas-400> [2 Mei 2025].

Braun, V., & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology* 3(2): 77–101.

Haliza Abdul Rahman. 2009. Penglibatan masyarakat awam di Malaysia dalam isu berkaitan persekitaran. *Jurnal Sarjana* 24(2): 50-65.

Haliza Abdul Rahman. 2019. Alam sekitar sebagai terapi alternatif kesihatan mental. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial (JPsiKS)* 3:39-46.

Ibrahim Komoo. 2016. Perlombongan bauksit usah jejas alam sekitar. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2016/01/111114/perlombongan-bauksit-usah-jejas-alam-sekitar> [21 Februari 2025].

Imaaduddin Abdul Halim & Noor Shakirah Mat Akhir. 2016. Tafsir ayat-ayat al-quran berkenaan penjagaan alam sekitar dan analisis isu-isu alam sekitar di malaysia. *Afkar* 18(1): 91-130.

IQAir. 2025. Air quality in Malaysia. [https://www.iqair.com/malaysia?srsId=AfmBOooIpEQDBmixZE1ceCbx1JItDqkC1O5Bc8wONQ\\_acpgCKKgsXkvn](https://www.iqair.com/malaysia?srsId=AfmBOooIpEQDBmixZE1ceCbx1JItDqkC1O5Bc8wONQ_acpgCKKgsXkvn) [22 Mei 2025].

Jabatan Alam Sekitar. 2024. Program madani rakyat 2024 zon Sabah. <https://www.facebook.com/doe.gov.my/posts/program-madani-rakyat-2024-zon-sabah-18-20-oktober-2024-perkarangan-kompleks-suk/867483145555917/> [21 Februari 2025].

Jabatan Peguam Negara. 2023. Peraturan-peraturan pengangkutan awam darat (tanda talian penting aduan) 2023. <https://www.apad.gov.my/sumber-maklumat1/garis-panduan/peraturan-peraturan-apad/463-peraturan-peraturan-pengangkutan-awam-darat-tanda-talian-penting-aduan-2023/file> [4 Februari 2025].

Jabatan Perkhidmatan Awam. t.th. TN50-Aspirasi Malaysia. [https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/2017/INFO\\_RINGKAS\\_TN50.pdf](https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/2017/INFO_RINGKAS_TN50.pdf) [4 Februari 2025].

- Jessica Dato, Hanifah Mahat, Mohmadisa Hashim & Yazid Saleh. 2020. Pengetahuan dan amalan penjagaan alam sekitar dalam kalangan pelajar pra-sekolah. *Akademika* 90(1):3-13.
- Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES). Infografik. <https://www.facebook.com/nresmalaysia/posts/infografikkementerian-sumber-asli-alam-sekitar-dan-perubahan-iklim-nres-mencatat/1005177298302603/> [2 Mei 2025].
- Mahanum Abdul Aziz. 2025. Ekonomi tumbuh 5.1 peratus pada 2024, prestasi suku keempat lebih jangkauan. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2025/02/1361213/ekonomi-tumbuh-51-peratus-pada-2024-prestasi-suku-keempat-lebih> [22 Mei 2025].
- Marilyn Domas White & Emily E. Marsh. 2006. Content analysis: a flexible methodology. *LIBRARY TRENDS* 55(1): 22-45.
- Mass Rapid Transit. 2023. MRT Sungai Buloh-Kajang line completed. <https://www.mymrt.com.my/ms/aktiviti/mrt-sungai-buloh-kajang-line-completed/> [21 Februari 2025].
- Michelle E. Kiger & Lara Varpio. 2020. Thematic analysis of qualitative data: AMEE Guide No. 131. *Medical Teacher*: 1-9.
- Mohammad Noh Othman. 2025. Harimau serang manusia kerana sumber makanan terhad. [https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/santai/2025/01/1348185/harimau-serang-manusia-kerana-sumber-makanan-terhad#google\\_vignette](https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/santai/2025/01/1348185/harimau-serang-manusia-kerana-sumber-makanan-terhad#google_vignette) [22 Mei 2025].
- Mohd Yusof Othman. 2017. Peradaban islam teras transformasi nasional. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*: 11-19.
- Muhammad Zuhaili Saiman. 2024. Keseimbangan antara kelestarian alam sekitar dengan pembangunan negara moden menurut perspektif Maqasid Al-Shariah. *Jurnal Pengajian Islam* 17(1): 69-87.
- Nor Azizah Mokhtar. 2025. Ceroboh tanah di Raub: SPRM kenal pasti peneroka, teliti dokumen. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/05/1394324/ceroboh-tanah-di-raub-sprm-kenal-pasti-peneroka-teliti-dokumen> [22 Mei 2025].
- Nor Fazlina Abdul Rahim. 2024. 137 kes ceroboh hutan di Kelantan, kompaun RM1.38 juta dikutip. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1255148/137-kes-ceroboh-hutan-di-kelantan-kompaun-rm138-juta-dikutip> [21 Februari 2025].
- Nor Wahida Dzalihu'zzabir. 2023. Cabaran pembentukan sahsiah pelajar dalam era revolusi industri IR 4.0: suatu sorotan kajian. *International Conferencee on Business Studies and Education (ICBE)*, hlm. 44-50.
- Norsheila Mohd Johan Chuah, Susila Hawa, Azian Mohti & Ismail Parlan. 2021. Menanam pokok tangani pemanasan global. *Dewan kosmik* (9):16-19.
- Otong Sulaeman, R. Widya Setiabudi Sumadinata & Dina Yulianti. 2021. Polemik antara antroposentrisme dan ekosentrisme dalam perspektif filsafat Mulla Sadra. *Khazanah: Jurnal Studi Islam dan Humaniora* 19(20): 161-179.
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. 2023. Malaysia madani angkat semula martabat negara. <https://www.pmo.gov.my/ms/2023/01/malaysia-madani-angkat-semula-martabat-negara-pm-anwar/> [4 Februari 2025].
- Pejabat Perdana Menteri. 2004. Koleksi arkib ucapan ketua eksekutif. <https://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=paklah&id=2830> [4 Februari 2025].

- Pejabat Perdana Menteri. 2022. Hala tuju pengurusan banjir negara hadapi impak perubahan iklim. <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2022/06/KENYATAAN-MEDIA-PERUBAHAN-IKLIM.pdf> [4 Februari 2025].
- Pejabat Perdana Menteri. t.th. Inspirasi setahun Keluarga Malaysia. <https://pmo.gov.my/ISKM/> [4 Februari 2025].
- Persekutuan Renjer Antarabangsa. t.th. Kecekapan renjer global. <https://www.internationalrangers.org/wp-content/uploads/2025/04/Malay-URSA-Ranger-Competence-Final.pdf> [4 Jun 2025].
- Ratna Roshida Abd Razak & Muhammad Hasrul Zakariah. 2010. Islam hadhari: apa dan kenapa. *Jurnal Hadhari* (3): 1-21.
- Rima Abdul Rahman, Harifah Mohd Noor, Ubong Imang & Oliver Valentine Eboy. 2024. Pengaruh keberkesanan pengangkutan awam terhadap kesejahteraan mobiliti penduduk: tinjauan literatur. *GEOGRAFI* 12(2): 16-30.
- Rosmidzatul Azila Mat Yamin. 2019. *Islam & Pemuliharaan Biodiversiti*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Siti Khatijah Zamhari & Christopher Perumal. 2016. Cabaran dan strategi ke arah pembentukan komuniti lestari. *Malaysia Journal of Society and Space* 12(12): 10-24.
- Suhaila Shahrul Annuar. 2025. Pupuk kesedaran alam sekitar, pengindahan sungai antara tumpuan DUN Kajang 2025. [https://selangorkini.my/2025/01/pupuk-kesedaran-alam-sekitar-pengindahan-sungai-antara-tumpuan-dun-kajang-2025/?utm\\_source=chatgpt.com](https://selangorkini.my/2025/01/pupuk-kesedaran-alam-sekitar-pengindahan-sungai-antara-tumpuan-dun-kajang-2025/?utm_source=chatgpt.com) [21 Februari 2025].
- Wan Norhaniza Wan Hasan & Mohd Shukri Hanapi. 2014. Analisis acuan indeks pembangunan. *Gjat* 4(1): 113-126.
- Yayasan Petronas. 2025. Terengganu eco-scholl programme: nurturing future advocates for sustainable development. <https://www.yayasanpetronas.com.my/terengganu-eco-school-programme-nurturing-future-advocates-for-sustainable-development/> [21 Februari 2025].
- Zubir Mohd Yunus. 2015. Zaman Khan teringin jumpa ‘bayi’ Highland Towers. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/03/41244/zaman-khan-teringin-jumpa-bayi-highland-towers> [21 Februari 2025].